

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATO' HAJAH SITI ZAILAH BINTI MOHD  
YUSOFF [ RANTAU PANJANG ]**

**TARIKH : 28 NOVEMBER 2019 (KHAMIS)**

**SOALAN**

Minta **MENTERI HAL EHWAL EKONOMI** menyatakan status pembayaran royalti minyak kepada Kerajaan Negeri Kelantan khususnya selepas saman terhadap Petronas oleh Kerajaan Negeri Kelantan ditarik balik sepenuhnya sebagaimana tuntutan Kerajaan Pusat.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, Kerajaan Negeri Kelantan secara rasminya telah menarik balik kes tuntutan pembayaran tunai atau royalti petroleum di Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur ke atas Petroliaam Nasional Berhad (PETRONAS) sebagai Defendan Pertama (1) pada 21 Mei 2019 dan Kerajaan Persekutuan Malaysia sebagai Defenden Kedua (2) pada 27 Jun 2019 lalu.

2. Susulan penarikan balik saman oleh Kerajaan Kelantan kepada Kerajaan Persekutuan, Kementerian Hal Ehwal Ekonomi (MEA) menerima satu Notis Pemberhentian Kes secara rasmi daripada pihak Jabatan Peguam Negara (AGC) melalui Penasihat Undang-undang MEA pada 5 Jun 2019.

**NO. SOALAN : 32**

3. Berdasarkan maklumat rasmi penarikan tersebut, Kerajaan Persekutuan telah mengambil langkah susulan supaya perkara berkaitan pembayaran tunai atau lebih dikenali sebagai royalti minyak untuk Kerajaan Negeri Kelantan dapat diselesaikan dengan segera.

4. Hasil semakan Kementerian ini dengan PETRONAS mendapati bahawa pembayaran bagi Ogos 2019 sejumlah RM16.79 juta telahpun dilunaskan oleh PETRONAS kepada Kementerian Kewangan untuk maksud ini. Pihak Kementerian Kewangan menyalurkan sebanyak 50 peratus daripada bayaran tunai kepada Kerajaan Negeri Kelantan manakala 50 peratus lagi disalurkan kepada Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan (MAIK).

Sekian, terima kasih.